

Terma & Syarat Kad Kredit Platinum Sutera Hong Leong

Terma dan syarat berikut hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian (“Perjanjian”) Pemegang Kad Hong Leong Bank Berhad (“Bank”). Kecuali dan melainkan variasi yang dinyatakan di bawah ini, semua terma dan syarat Perjanjian akan digunakan. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau tidak konsisten antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat Kad Kredit Platinum Sutera Hong Leong (“Kad Sutera”), terma dan syarat Kad Sutera yang terkandung di sini akan digunakan setakat yang berkenaan dengan Kad Sutera.

Ciri-ciri Produk

1. Program Ganjaran Kad Kredit (“Program”)

- (a) Pemegang Kad adalah layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini dan menikmati Mata Ganjaran berikut, berdasarkan Kategori Perbelanjaan yang dinyatakan:

Kategori Perbelanjaan	Penganda Mata Ganjaran Kad Kredit
Perbelanjaan Luar Negara	6X
Perbelanjaan Makan Tempatan	3X
Perbelanjaan Hujung Minggu Tempatan	3X
Kategori Perbelanjaan Selain Daripada Yang Di Atas	1X

Perbelanjaan Luar Negara merujuk kepada sebarang perbelanjaan runcit (termasuk pembelian runcit dalam talian) yang dicaj dalam matawang asing, tanpa mengambil kira lokasi transaksi dilaksanakan

Perbelanjaan Makan Tempatan merujuk kepada transaksi dalam Kod Kategori Saudagar (MCC) iaitu 5811, 5812 & 5814 sahaja

Perbelanjaan Hujung Minggu Tempatan merujuk kepada sebarang transaksi yang dilaksanakan pada hari Sabtu atau Ahad dan dicaj dalam Ringgit Malaysia

- (b) Transaksi berikut dikecualikan daripada kelayakan Mata Ganjaran:

- i. Pendahuluan Tunai;
- ii. Fi Tahunan;
- iii. Pemindahan Baki;
- iv. Caj Pembayaran Lewat;
- v. Caj Pertikaian;
- vi. Caj Pemalsuan;
- vii. Caj Kewangan;
- viii. Fi Penggantian Kad;
- ix. Caj Penghantaran;
- x. Pembayaran Tunai; dan
- xi. Sebarang fi, caj atau penalti lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad;
- xii. Semua transaksi berkaitan dengan kerajaan dan transaksi/ pembayaran online melalui HL Connect

- (c) Bagi Pelan Pembayaran Fleksibel (“FPP”), Mata Ganjaran akan diberi berdasarkan amaun transaksi dan tiada Mata Ganjaran akan diberi untuk amaun ansuran bulanan,

- (d) Bagi Pelan Pembayaran Lanjutan (“EPP”), Mata Ganjaran akan diberi berdasarkan amaun ansuran bulanan, iaitu 1 Mata Ganjaran bagi setiap RM1 amaun ansuran bulanan tanpa mengambil kira Kategori Perbelanjaan.

- (e) Pengganda Mata Ganjaran Kad Kredit mengikut Kategori Perbelanjaan yang berkenaan akan ditentukan mengikut tarikh transaksi, iaitu tarikh Pemegang Kad melaksanakan transaksi tersebut.
- (f) Penentuan MCC bagi setiap saudagar adalah tertakluk kepada klasifikasi bank-bank perolehan saudagar masing-masing (“Bank Perolehan Saudagar”) berdasarkan budi bicara mereka dan adalah menjadi tanggungjawab Bank Perolehan Saudagar yang berkenaan untuk memberi MCC yang betul dan keterangan MCC. Bank tidak boleh dipertanggungjawab untuk pemberian MCC yang tidak konsisten dan/atau Keterangan MCC oleh Bank Perolehan Saudagar dan/atau sebarang pemberian tidak betul oleh Bank Perolehan Saudagar yang mungkin menyebabkan kehilangan hak Mata Ganjaran. Pemegang Kad tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan daripada Bank terhadap sebarang pemberian MCC dan/keterangan MCC yang tidak betul dan/atau tidak konsisten oleh Bank Perolehan Saudagar yang berkenaan.
- (g) Semua pemberian dan penebusan Mata Ganjaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Katalog Hong Leong Club Rewards 2015 – 2018 yang boleh diperolehi di www.hlb.com.my/rewards

2. Akses Plaza Premium Lounge di KLIA dan KLIA 2

- (a) Akses percuma ke Plaza Premium Lounge di KLIA dan KLIA 2 (“Akses Plaza Premium Lounge”) disediakan kepada semua Pemegang Kad Utama dan Tambahan yang menunjukkan Kad Sutera masing-masing di pintu masuk Akses Plaza Premium Lounge berdasarkan siapa cepat dia dapat
- (b) Akses Plaza Premium Lounge disediakan kepada 250 Pemegang Kad pertama setiap bulan (“Had”) di KLIA dan KLIA2. Sekiranya Had tersebut telah dicapai, Pemegang Kad akan dikehendaki membayar caj-caj berkenaan pada kadar semasa berkenaan yang dikenakan oleh pihak pengurusan Plaza Premium Lounge di KLIA dan KLIA2 (“Pengurusan”) bagi tujuan Plaza Premium Lounge.
- (c) Pemegang Kad hendaklah menyemak dengan Pengurusan untuk maklumat lanjut tentang ketersediaan Akses Plaza Premium Lounge kepada Pemegang Kad.
- (d) Akses Plaza Premium Lounge adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Pengurusan

3. Insurans

Pemegang Kad akan menikmati perlindungan insurans sehingga RM1.7 juta untuk Kemalangan dan Susah Payah Perjalanan, Perbelanjaan Perubatan Luar Negara, Kehilangan Wang Persendirian dan Kejadian Curi Ragut yang ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

Untuk pertanyaan, hubungi Talian Penting MSIG Hotline di 1800-88-6744.

Bagi membuat sebarang tuntutan, notis bertulis hendaklah diberi kepada:

MSIG

Jabatan Perkhidmatan Pelanggan

Aras 22, Menara Weld

No. 76 Jalan Raja Chulan

50200 Kuala Lumpur

No. Faks: 03-2026 8086

Alamat Emel: myMSIG@my.msig-asia.com

Laman Web: www.msg.com.my

4. **Fi Tahunan**

Fi tahunan untuk Kad Utama ialah RM400 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) dan untuk Kad Tambahan ialah RM200 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan). Nikmati pengecualian fi tahunan tahun pertama dengan membuat sekurang-kurangnya satu leretan runcit dalam tempoh 45 hari dari tarikh kelulusan kad.

5. **Visa Platinum Concierge 24 jam**

Untuk bantuan dan keterangan lanjut, Pemegang Kad dikehendaki untuk menghubungi 1-800-80-3006 untuk perkhidmatan Visa Concierge atau layari www.visaplatinum.com.

(a) **Variasi Ciri-ciri Produk**

Bank berhak mengikut budi bicaranya yang mutlak dan dari semasa ke semasa untuk meminda, mempelbagai atau mengubah mana-mana terma dan syarat bagi Kad Sutera atau menarik balik Kad Sutera pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad dan pindaan sedemikian akan berkuatkuasa pada tarikh yang boleh ditetapkan oleh Bank. Mengikut budi bicaranya, Bank boleh mengepos secara terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan kepada media massa atau mempamerkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman web Bank di www.hlb.com.my atau sebarang kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh Bank untuk penambahan, perubahan atau pindahan ciri-ciri produk yang sedemikian.

(b) Terma dan syarat dalam dokumen ini adalah dikawal selia oleh dan ditakrifkan mengikut undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk terikat kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.